

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 34

Samy mendaftarkan perniagaannya, Samy Enterprise, pada 1 Mac 2017. Beliau telah membawa masuk aset-aset berikut ke dalam perniagaannya:

	RM
Alatan pejabat	5,000
Perabot	3,000
Tunai di bank	20,000

Urus-urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Mac 2017:

- (i) Membayar sewa tiga bulan sebanyak RM2,400 secara cek. Jumlah ini terdiri daripada sewa bulan Mac dan bakinya sebagai deposit.
- (ii) Mengeluarkan RM1,000 dari bank untuk kegunaan pejabat.
- (iii) Bayar RM140 secara tunai kepada Telekom untuk pemasangan telefon talian darat.
- (iv) Beli barang niaga secara kredit dari Ramli pada harga senarai RM6,500. Diskaun niaga diberikan pada kadar 20%.
- (v) Pulangan barang niaga kepada Ramli pada harga senarai RM500.
- (vi) Jual barang niaga berkeros RM2,000 secara kredit pada harga RM3,800.
- (vii) Mendapatkan khidmat seorang pekerja sambilan. Gaji ditetapkan sebanyak RM400 sebulan.
- (viii) Membayar Ramli secara cek RM4,500 sebagai penjelasan keseluruhan akaunnya.
- (ix) Menerima cek daripada akaun belum terima RM2,400.
- (x) Bank mengenakan caj untuk buku cek yang disediakan RM20.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan Jadual Persamaan Perakaunan mengikut format seperti berikut:

ASET								LIABILITI	EKUITI PEMILIK	
Urus niaga	Alatan Pejabat	Perabot	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Deposit sewa	Akaun belum bayar	Modal	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal										
(i)										
(ii)										
(iii)										
(iv)										
(v)										
(vi)										
(vii)										
(viii)										
(ix)										
(x)										
Baki akhir										

- (b) Sediakan penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2017.